



UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

HALATUJU BAHARU DOF : PROGRAM QUICKWIN 2019 – 2020

SECARA BERFOKUS DAN BERSASAR

1. Kajian Semula Pelan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia 2019 - 2020 disediakan khusus kepada **pelaksanaan program secara Quickwin tahun 2019 hingga 2020 dengan tema “Hala Tuju Baharu : Berfokus dan Bersasar, #myDOF Mendepani Cabaran”** dalam usaha ke arah mentransformasi industri perikanan negara. Ianya juga adalah sebagai usaha Jabatan dalam mendokong agenda kerajaan secara menyeluruh dalam mengatasi isu dan cabaran yang rumit di dalam sektor perikanan.
2. Pelancaran buku ini merupakan **tindakan responsif** DOF terhadap **Dokumen Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019 – 2020** yang dilancarkan pada 14 Februari 2019 lepas.
3. Ianya memberi penekanan kepada tujuh (7) perkara penting di dalam melaksanakan fungsi pembangunan subsektor perikanan negara serta mengurus sumber perikanan secara mapan. Ia meliputi sektor **Perikanan Tangkapan, Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Pembangunan Akuakultur, Perlindungan Sumber & Penguatkuasaan Perikanan** yang terangkum di dalam elemen Memperkasa Pemantauan, Kawalan Dan Pengawasan (MCS) serta **Memperkasa Penyelidikan, Pengembangan Dan Modal Insan**.
4. Terkini, pengeluaran sektor perikanan di Malaysia adalah sebanyak **1.93 juta tan metrik dengan nilai RM14.1 billion**: menyumbang pada kadar 0.9% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Perkembangan positif ini menunjukkan negara mampu memastikan penduduk memperoleh bekalan makanan dengan mensasarkan **pengeluaran ikan makanan sebanyak 2.29 juta tan metrik pada tahun 2020** walaupun berlakunya beberapa senario yang mencabar yang dihadapi oleh sektor perikanan khususnya.

5. Setiap **visi, misi, objektif, tumpuan, teras dan sasaran strategik Jabatan Perikanan telah dirumus semula agar lebih responsif** kepada keutamaan dan pendekatan baharu Kerajaan. Ini selari dengan cetusan idea YAB Perdana Menteri Malaysia untuk meningkatkan produktiviti hasil pertanian termasuk perikanan, mengurangkan import makanan dan meningkatkan pendapatan kumpulan sasar serta kuasa membeli rakyat. Beliau menggesa supaya kumpulan sasar untuk keluar dari kelompok kemiskinan dengan cara menambahkan pengeluaran dengan mengambil contoh negara China dalam mengeluarkan bekalan makanan untuk 1,400 juta rakyatnya.
6. Dalam usaha untuk mentransformasikan subsektor perikanan, pendekatan secara **Model Strategik** yang diterajui pihak swasta dan berasaskan komuniti dan juga sokongan khidmat pengembangan dan teknologi daripada Jabatan dikira mampu memberi impak yang jelas kepada industri perikanan tempatan.
7. Antara yang terkandung di dalam buku ini adalah nilai-nilai **PERMATA** iaitu - **Profesional, Efisien, Responsif, Mesra, Amanah, Telus**, dan **Akauntabiliti** yang harus disemai dalam diri setiap warga DOF bagi merealisasikan hasrat yang ingin dicapai. Justeru itu, **peranan pegawai-pegawai DOF amat penting sebagai pemikir, penggerak dan pelaksana program – program Quickwin Jabatan** dalam usaha mentransformasi industri perikanan negara.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

29 Julai 2019 (Isnin) jam 9.30 pagi.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my